

01/05/2002

Sejuta rakyat diperlukan cipta rekod

KUALA LUMPUR, Selasa - Usaha sedang dilakukan bagi mencipta rekod rangkaian terpanjang manusia dan barisan kereta nasional sepanjang 848.51 kilometer dari Tangkak, Johor ke Kuala Perlis, Perlis, sempena Hari Kebangsaan tahun ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata kira-kira sejuta rakyat Malaysia dan 200,000 kereta nasional diperlukan untuk menjayakan usaha ini.

"Acara ini diperakui Malaysia Book of Records dan jika berjaya, dua rekod baru akan ditambah dalam buku itu," katanya pada sidang akhbar bagi mengumumkan dua acara itu di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia menaja 300 kereta nasional serta kakitangan untuk tujuan itu dan beliau menggesa sektor swasta turut serta.

"Kita (kerajaan) menyokong usaha ini dan berharap pihak swasta, terutama syarikat gergasi akan dapat memberikan penajaan.

"Saya difahamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan usaha ini dan berharap syarikat kereta nasional Proton dan Perodua dapat menjayakannya," katanya.

Pengurus pemasaran De Car Unique Challenge Mokhtar Ibrahim berkata, pada 31 Ogos, semua kereta terbabit akan disusun di sepanjang jalan negeri mulai jam 3 petang.

Ini diikuti peserta berbaris berpegangan tangan untuk membentuk rangkaian terpanjang manusia.

Menjawab satu soalan beliau berkata, kos untuk menganjurkan acara itu kira-kita RM18 juta.

"Rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai acara itu boleh mendapatkan borang penyertaan daripada Pejabat Pos," katanya.

Setiap kereta mesti memuatkan lima orang dan bayaran penyertaan RM18.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata, cadangan mengadakan undang-undang bagi menyekat pelancong daripada memakai pakaian yang mendedahkan aurat di Terengganu adalah undang-undang ala Taliban yang tidak mempunyai tempat di negara ini.

"Ia tidak betul dari segi perlembagaan dan lebih teruk lagi ia adalah pendapat mereka yang berperangai seperti Taliban," katanya.

(END)